

22 FEB 1999

Syed Hamid-Isu

JANGAN JADIKAN ISU SENSITIF BIDANG PERBINCANGAN UMUM - SYED HAMID

SINGAPURA, 22 Feb (Bernama) -- Isu sensitif yang boleh menimbulkan ketegangan antara Malaysia dan Singapura hendaklah seboleh-bolehnya tidak dimasukkan ke dalam bidang perbincangan umum, kata Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata diplomasi secara senyap-senyap akan membolehkan sesuatu perkara yang dipertikaikan itu diselesaikan dengan segera oleh kedua-dua pihak.

"Apa yang dianggap sebagai sensitif dan boleh menimbulkan salah faham dan ketegangan hendaklah dijauhkan daripada bidang perbincangan umum, di luar polemik retorik semata-mata," kata beliau dalam satu temuramah yang dilaporkan oleh Straits Times hari ini.

Dalam tempoh 24 bulan yang lepas, beberapa perkara yang mengganggu hubungan dua hala telah diberi liputan meluas dalam media kedua-dua negara.

Perbalahan mengenai pusat pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) di Tanjong Pagar, dakwaan pencerobohan pesawat Tentera Udara Republik Singapura ke ruang udara Malaysia dan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung telah dibincangkan secara terbuka.

Bagaimanapun Syed Hamid mengakui bahawa ada kalanya, kerajaan tidak akan dapat mengelakkan sesetengah isu sensitif daripada menjadi perbincangan umum.

Jika hal itu berlaku, kata beliau, akan terdapat liputan dan laporan secara meluas dan pendedahan perasaan orang ramai.

"Persoalan yang perlu ditanya oleh kedua-dua kerajaan ketika itu ialah: Bagaimana kita menguruskan situasi seperti itu? Haruskan kita bertindak balas secara melampau? Haruskan tuntutan-tuntutan dibuat?," katanya.

Syed Hamid berkata walaupun ketika sesuatu isu dibincangkan secara meluas, saluran diplomatik mestilah sentiasa terbuka.

Beliau juga berkata terdapat hasrat yang jelas pada pihak Malaysia dan Singapura untuk menyelesaikan isu-isu yang mengganggu hubungan dua hala dalam masa akhir-akhir ini.

"Kita positif tentang kemahuan untuk mencapai penyelesaian yang memuaskan hati kedua-dua pihak," kata beliau mengikut laporan akhbar itu.

Beliau berkata keyakinannya terhadap keadaan semasa perhubungan dua hala adalah berasaskan kepada suasana yang diwujudkan ekoran tiga pertemuan antara Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak November tahun lepas.

Pada November Goh telah dijemput oleh Dr Mahathir untuk satu pertemuan di Kuala Lumpur. Kedua-dua pemimpin itu juga mengadakan pertemuan sampingan semasa persidangan kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), yang diadakan di ibu negara Malaysia, dan sebulan kemudian, mereka turut membincangkan perkara dua hala semasa persidangan kemuncak keenam Asean di Hanoi.

Syed Hamid juga berharap hubungan Malaysia dengan Singapura tidak akan "berorientasikan pertelingkahan" memandangkan sebelum ini terlalu banyak penekanan diberikan kepada perbezaan pendapat antara dua negara berjiran itu.

"Kedua-dua negara telah bekerjasama dalam banyak bidang, mempunyai hubungan antara rakyat dengan rakyat serta hubungan sejarah yang kukuh. Saya ingin terus menganggap hubungan antara Malaysia dan Singapura sebagai suatu proses yang berterusan," katanya.

-- BERNAMA
MKO RN NMO